

## SUPERVISION IN WAKALAH ZAKAT: A STUDY IN THE FEDERAL TERRITORY

### PENGAWASAN DALAM WAKALAH ZAKAT: KAJIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

FAIZUL SHAIFFE

Calon Ijazah Doktor Falsafah

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang.

fey\_zullah@yahoo.com

SHAHIR AKRAM HASSAN

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang

shahirakram@usm.my

\*Corresponding author: fey\_zullah@yahoo.com

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 15/1/2025: REVISED – 5/6/2025: ACCEPTED – 6/6/2025)

---

### ABSTRACT

Zakat management in the Federal Territory has a dual system zakat management pattern. Zakat collection is managed by the Zakat Collection Center (PPZ-MAIWP) and distribution is managed by Baitulmal-MAIWP. Zakat distribution through Wakalah Zakat (WAZA) in the Federal Territory is a new branch in zakat distribution to asnaf. WAZA is the policy of returning zakat money from PPZ-MAIWP to entities (individuals, companies and employers) who pay zakat to PPZ-MAIWP and are given the option to be representatives to distribute zakat money to eligible asnaf. The WAZA concept is a smart partnership between zakat payers and PPZ-MAIWP in managing zakat distribution efficiently. This study selected PPZ-MAIWP which is the earliest zakat institution in the corporatization of zakat institutions in

Malaysia. This study has two objectives. First to identify WAZA practices practiced and second to analyze WAZA surveillance practices in the Federal Territory. This study examines all the work and documents involved in WAZA. In conclusion, WAZA's supervision is an important matter in ensuring that zakat funds can be preserved in the best possible way without leakage, and manipulation to ensure the sustainability of zakat distribution.

**Keywords:** Wakalah zakat, supervision, locality

## ABSTRAK

Pengurusan zakat Di Wilayah Persekutuan mempunyai corak pengurusan zakat secara dwi sistem. Kutipan zakat diuruskan oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) dan agihan pula diuruskan oleh Baitulmal-MAIWP. Agihan zakat menerusi Wakalah Zakat (WAZA) di Wilayah Persekutuan merupakan cabang baharu dalam agihan zakat terhadap asnaf. WAZA merupakan dasar pengembalian wang zakat PPZ-MAIWP kepada entiti (individu, syarikat dan majikan) yang membayar zakat kepada PPZ-MAIWP diberi pilihan menjadi wakil untuk mengagihkan wang zakat kepada asnaf yang layak. Konsep WAZA merupakan merupakan perkongsian pintar antara pembayar zakat dan PPZ-MAIWP dalam menguruskan agihan zakat secara efesien. Kajian ini memilih PPZ-MAIWP yang merupakan institusi zakat pertama yang menggunakan permohonan dan pelaporan WAZA secara atas talian dan aplikasi. Oleh kerana pelaksanaan WAZA dilaksanakan oleh pembayar zakat, maka perlu pengawasan untuk mengelakkan penyelewengan dan salah agih terhadap dana zakat. Kajian ini mempunyai dua objektif. Pertama untuk mengenal pasti amalan WAZA yang diamalkan dan kedua untuk menganalisis amalan pengawasan WAZA di Wilayah Persekutuan. Kajian ini mengkaji segala gerak kerja serta dokumen yang terlibat dalam WAZA. Kesimpulannya, pengawasan WAZA merupakan perkara penting dalam memastikan dana zakat dapat dipelihara dengan sebaiknya tanpa berlaku ketirisan, kebocoran dan manipulasi untuk memastikan kelestarian agihan zakat.

**Kata Kunci:** Wakalah zakat, pengawasan, lokaliti

## 1. PENDAHULUAN

Wakalah Zakat (WAZA)<sup>1</sup> ialah pihak institusi zakat memberi kuasa kepada pembayar zakat seperti individu, syarikat, dan majikan untuk melaksanakan agihan zakat secara perkongsian pintar. Pemeliharaan dana zakat melalui WAZA diuruskan sendiri oleh pembayar zakat yang memohon kepada WAZA. Pemeliharaan dana zakat dalam memastikan ekonomi asnaf sentiasa terbela perlu mempunyai pengawasan yang berkesan untuk memastikan objektif WAZA tercapai. Pengiktirafan yang diterima dalam pengawasan dana zakat melalui pengurusan kewangan yang baik merupakan penanda aras yang dana agihan zakat mempunyai pengawasan yang baik. Pemeliharaan dana zakat yang dilakukan oleh pihak institusi zakat secara umumnya diketahui mempunyai sistem pengurusan kewangan yang mencangkup sistem pengawasan yang baik dengan mempunyai kawal selia audit dalaman dan luaran<sup>2</sup>. Apatah lagi, pengiktirafan yang diterima dalam pengawasan dana zakat melalui pengurusan kewangan yang baik merupakan penanda aras yang dana agihan zakat mempunyai pengawasan yang baik. Namun begitu tidak semua agihan dana zakat dilakukan secara langsung kepada asnaf oleh institusi zakat. Pemeliharaan dana zakat melalui WAZA dilaksanakan oleh pembayar zakat dalam proses agihan zakat dapat disampaikan kepada asnaf. Ketika dana zakat berada di institusi zakat, pengawasan dalam memelihara dana zakat akan diuruskan secara profesional (melibatkan beberapa pihak seperti unit kewangan, audit dan sebagainya) dengan beberapa garis panduan yang harus dipatuhi. Namun begitu, apabila melalui WAZA, pemeliharaan dana zakat akan diserahkan kepada pembayar zakat sama ada secara individu, syarikat atau majikan. Agihan zakat menerusi Wakalah Zakat (WAZA) di Wilayah Persekutuan merupakan cabang baharu dalam agihan zakat terhadap asnaf. WAZA merupakan dasar pengembalian wang zakat PPZ-MAIWP kepada entiti (individu, syarikat dan majikan) yang membayar zakat kepada PPZ-MAIWP diberi pilihan menjadi wakil untuk mengagihkan wang zakat kepada asnaf yang layak. Konsep WAZA merupakan merupakan perkongsian pintar antara pembayar zakat dan PPZ-MAIWP dalam menguruskan agihan zakat secara efesien. Kajian ini memilih PPZ-MAIWP yang merupakan institusi zakat terawal dalam pengkorporatan

1 Selepas ini istilah kaedah agihan Wakalah Zakat dijelaskan dengan singkatan kepada WAZA sepanjang penjelasan dalam kajian ini. Tujuan singkatan dilakukan adalah untuk memberikan kemudahan dalam perbincangan ini

2 Laporan Kewangan MAIWP sentiasa dipantau oleh Jabatan Audit Negara dan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syariah Wilayah Persekutuan

institusi zakat di Malaysia. Selain itu PPZ-MAIWP juga merupakan institusi zakat pertama yang menggunakan permohonan dan pelaporan WAZA secara atas talian dan aplikasi (Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan, 2021). Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, kertas kerja ini akan mengandungi perbincangan berkenaan pendahuluan, kajian lepas, metodologi kajian, dapatan kajian, perbincangan, cadangan & implikasi dasar dan kesimpulan.

## 2. KAJIAN LEPAS

Aspek pengawasan telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW terutamanya dalam urusan jual beli di pasar. Rasulullah SAW pernah pada zamannya memantau kegiatan yang berlaku di pasar-pasar bagi memastikan tidak ada berlakunya penipuan dalam urusan jual beli. Apabila berlakunya sebarang bentuk penipuan, maka Rasulullah SAW terus menegur terutama yang berkaitan dengan timbangan dan kualiti sesuatu peroduk itu (Akram, 1982). Fungsi pengawasan bersifat berterusan dalam memastikan segala urusan pengurusan berjalan mengikut perancangan yang ditetapkan. Di samping itu, tugas proses pengawasan ini juga berfungsi untuk mendedahkan mana-mana kesilapan yang berlaku dalam pengurusan. Seterusnya, bertindak segera dalam memperbetulkan kesilapan atau penyelewengan yang berlaku dengan tindakan sewajarnya mengikut lunas undang-undang Islam (Ahmad Ibrahim, 1991) Pengawasan memainkan peranan yang cukup penting untuk mencegah dari berlakunya pelanggaran hukum dan penyelewengan. Bidang tugas pengawasan adalah untuk mencegah dan mengawasi daripada berlakunya penyalahgunaan dan penyelewengan terhadap ekonomi (Auni Abdullah, 2000). Pengurusan secara Islam merangkumi pengawasan yang merupakan salah satu proses dalam melaksanakan pengurusan secara Islam. (YAPEIM, 2005). Dalam pengurusan Islam hisbah merupakan manifestasi kepada pelaksanaan sistem pengawasan Islam (Azrin Ibrahim, 2013) Agihan zakat kepada golongan asnaf memerlukan satu sistem agihan yang berkesan agar setiap pihak merasakan mereka dilayan dengan adil dan saksama. Oleh itu peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan zakat dalam aspek agihan zakat ini penting untuk diberi perhatian (Sanep Ahmad, 2009). Agihan zakat secara wakalah yang diaplikasikan oleh MAIWP merupakan contoh sistem agihan zakat yang amat bagus terutama bagi meningkatkan kutipan zakat disebabkan masyarakat yang mewakili antara empat segmen iaitu individu, IPTA, syarikat dan segmen majikan mendapat peluang untuk mengagihkan

sendiri zakat mereka kepada golongan fakir miskin tanpa berdosa mengikut syarat yang ditetapkan (Atiah Ahmad, Hairunnizam Wahid, 2017). WAZA merupakan cabang alternatif baharu dalam agihan zakat yang mampu meningkatkan kutipan zakat. WAZA juga mampu mengurangkan kebocoran zakat dimana mereka yang sebelum ini mengagihkan zakat terus kepada asnaf beralih membayar zakat kepada institusi zakat dengan kelebihan manfaat rebat cukai pendapatan disamping masih boleh mengagihkan zakat kepada asnaf secara terus (Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan, 2019). Justeru kelompongan kajian terhadap pemeliharaan dana zakat dalam pengawasan dana zakat melalui agihan secara WAZA memberi motivasi kepada pengkaji untuk membuat kajian dengan lebih mendalam dan seterusnya memberi nilai tambah kepada pihak institusi zakat dalam memastikan pengawaan dana zakat dapat direalisasikan bagi memastikan kelestarian agihan zakat terhadap asnaf.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Secara keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif asas. Kajian lapangan menerusi kaedah temu bual dilaksanakan untuk mengenal pasti amalan pengawasan WAZA di PPZ-MAIWP. Pengkaji mengkaji garis panduan serta prosedur yang terlibat dalam proses permohonan dan pelaporan WAZA. Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan, kaedah pengumpulan data dan maklumat melalui dokumen bertulis seperti artikel jurnal, kertas kerja, kertas prosiding, laporan tahunan dan sebagainya. Sumber-sumber ini digunakan bertujuan untuk menganalisis sorotan kajian lepas dan juga maklumat berkaitan institusi-institusi berkenaan.

### 4. DAPATAN KAJIAN

Bagi membincangkan pengawasan wakalah zakat dalam pemeliharaan dana zakat di Wilayah Persekutuan, perbincangan akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, Struktur Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia. Kedua, Pengurusan Zakat di Wilayah Persekutuan, Ketiga, Pengawasan wakalah zakat dalam pemeliharaan dana zakat di Wilayah Persekutuan.

## 4.1 Struktur Pengurusan Institusi Zakat Di Malaysia

Di Malaysia pengurusan institusi zakat mempunyai tiga jenis struktur; i). Struktur Pengurusan Zakat Secara Langsung, ii). Struktur Pengurusan Zakat Secara Tidak Langsung dan iii). Struktur Pengurusan Zakat Secara Dwi Sistem. Justeru bagi melihat struktur ini secara mendalam maka sewajarnya untuk kita melihat perbezaan struktur tersebut.

### 4.1.1 Struktur Pengurusan Zakat Secara Langsung

Struktur pengurusan zakat secara langsung ialah institusi zakat ditadbir sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), di mana kuasa eksekutif di bawah pengurusan tertinggi MAIN. Institusi zakat diurus dan ditadbir melalui cabang unit, bahagian atau jabatan dalam pengurusan MAIN tersebut. Ini merupakan pengurusan secara langsung iaitu pihak MAIN tidak melantik mana-mana pihak untuk menjadi wakil kutipan ataupun agihan zakat bagi negeri tersebut. Antara negeri yang mengamalkan pengurusan zakat secara langsung ialah negeri Negeri Sembilan, Johor, Terengganu, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Sabah, dan Sarawak .

### 4.1.2 Struktur Pengurusan Zakat Secara Tidak Langsung

Struktur pengurusan zakat secara tidak langsung ialah pihak MAIN mempertanggungjawabkan badan lain bagi menguruskan kutipan dan agihan zakat secara keseluruhan. Badan yang dipertanggungjawabkan ini kebiasaannya merupakan sebuah anak syarikat MAIN. Kuasa eksekutif secara berstruktur diberikan kepada ketua pegawai eksekutif atau pengurus besar syarikat. Struktur ini memberi kelebihan kepada keberkesanan kutipan dan agihan yang efisien kerana dikawal selia secara minima oleh pihak MAIN. Namun begitu anak syarikat yang dilantik masih perlu melaporkan pencapaian atau perkembangan prestasi kepada pihak lembaga pengarah yang lazimnya diwakili oleh pihak MAIN sendiri. Negeri yang mempraktikkan amalan ini ialah Selangor dan Pulau Pinang.

#### 4.1.3 Struktur Pengurusan Zakat Secara Dwi Sistem.

Struktur pengurusan zakat secara dwi sistem ialah pihak MAIN hanya mempertanggungjawabkan sebahagian tugas kepada badan lain yang lazimnya anak syarikatnya untuk melaksanakan fungsi kutipan zakat sahaja. Manakala fungsi agihan masih di bawah MAIN. Segala hala tuju agihan zakat masih di bawah pihak MAIN sepenuhnya dan hanya fungsi kutipan sahaja yang dialihkan kepada anak syarikatnya. Antara negeri mempraktikkan amalan ini ialah Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan), Melaka dan Pahang. Secara praktikal institusi zakat di Malaysia mempunyai tiga corak sistem pengurusan dan pentadbiran yang berbeza. Kajian ini tertumpu untuk melakukan kajian terhadap amalan dan pengawasan WAZA yang diamalkan oleh Wilayah Persekutuan kerana keunikan sistem pengurusan dwi sistem yang diamalkan oleh institusi tersebut. Kajian ini penting untuk melihat amalan dan pengawasan t WAZA yang dilaksanakan menepati maqasid zakat itu.

### 4.2 PENGURUSAN ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Pada 1 Februari 1974 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan bagi menguruskan hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala pada tahun 1984 dan 2001 Labuan dan Putrajaya menyertai Wilayah Persekutuan. Bidang utama fungsi MAIWP ialah menguruskan kutipan dan agihan zakat di tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Wilayah Persekutuan mempraktikkan dwisistem bagi pengurusan zakat di Wilayah Persekutuan, iaitu bidang kutipan zakat diuruskan oleh Pusat Pungutan Zakat-MAIWP dan bahagian agihan pula diuruskan oleh Baitulmal-MAIWP. PPZ-MAIWP berusaha untuk memastikan kutipan zakat sentiasa meningkat bagi memastikan kelestarian agihan zakat oleh pihak Baitulmal-MAIWP. Selain itu pihak Baitulmal-MAIWP pula berusaha untuk memastikan bantuan atau agihan zakat dapat memberi impak positif kepada asnaf dengan mewujudkan skim bantuan zakat

sebanyak 30 skim bantuan yang inklusif<sup>3</sup>. WAZA merupakan cabang baru agihan zakat yang mula diperkenalkan pada tahun 2011 bagi segmen individu dan syarikat atau organisasi kemudian diikuti dengan segmen Institut Pengajian Tinggi IPT pada tahun 2014 dan seterusnya segmen majikan pada tahun 2017 (Laporan Tahunan MAIWP 2014-2017). WAZA bertujuan untuk meningkatkan kutipan zakat bagi memberi impak kepada kesan agihan disamping suatu inovasi siasah (urus tadbir dan budi bicara) MAIWP dalam memacu kegemilangan ummah (Laporan Tahunan MAIWP 2014). Hasil kajian mendapati amalan WAZA di Wilayah Persekutuan mempunyai tiga kategori. Pertama kategori individu, kategori syarikat dan kategori majikan. Selain itu, terdapat juga perbezaan peratusan WAZA berdasarkan jumlah bayaran zakat yang dibayar. Manakala berdasarkan penelitian pengkaji pengawasan dana WAZA ini mempunyai dua peringkat. Peringkat pertama merupakan pengesahan pembayar zakat yang memohon WAZA melalui proses permohonan yang memerlukan dokumen pengesahan pemilik akaun bank yang akan menerima dana tersebut. Pada peringkat kedua pula merupakan peringkat pelaporan dana zakat yang telah diagihkan sepenuhnya oleh penerima WAZA.

#### 4.3 PENGAWASAN DALAM WAKALAH ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Hasil kajian mendapati amalan WAZA di Wilayah Persekutuan mempunyai tiga kategori. Pertama kategori individu, kategori syarikat dan kategori majikan. Selain itu, terdapat juga perbezaan peratusan WAZA berdasarkan jumlah bayaran zakat yang dibayar. Manakala berdasarkan penelitian pengkaji pengawasan dana WAZA ini mempunyai dua peringkat. Peringkat pertama merupakan pengesahan pembayar zakat yang memohon WAZA melalui proses permohonan yang memerlukan dokumen pengesahan pemilik akaun bank yang akan menerima dana tersebut. Pada peringkat kedua pula merupakan peringkat pelaporan dana zakat yang telah diagihkan sepenuhnya oleh penerima WAZA.

---

<sup>3</sup> Bantuan skim ini meliputi pelbagai segemen seperti 1) Pembangunan Asnaf, 2) Perlindungan, 3) Ekonomi, 4) Pendidikan dan Pembangunan Ummah. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/bz>

**Jadual 1 : Kategori Wakalah Zakat & Jumlah Peratusan**

<b>INDIVIDU</b> <b>(Bayaran zakat harta / pendapatan)</b>	
<b>12.5%</b> Dari zakat berjumlah <b>20,000.00-24,999.99</b> setahun	<b>25%</b> Dari zakat berjumlah <b>25,000.00-99,999.99</b> setahun
<b>37.5%</b> Dari zakat berjumlah <b>100,000.00-999,999.99</b> setahun	<b>50%</b> Dari zakat berjumlah 1,000,000.00 setahun dan ke atas
<b>Syarikat / Organisasi</b> <b>(Bayar zakat perniagaan)</b>	
<b>37.5%</b> Dari zakat berjumlah <b>100,000.00-999,999.99</b> setahun	<b>50%</b> Dari zakat berjumlah <b>1,000,000.00</b> setahun dan ke atas
<b>Majikan Lazim</b>	
<b>12.5%</b> Dari zakat potongan gaji kakitangan berjumlah <b>100,000.00</b> setahun dan ke atas	<b>37.5%</b> Dari zakat potongan gaji kakitangan berjumlah <b>100,000.00</b> setahun dan ke atas bagi majikan yang mewajibkan sekurang-kurangnya <b>80%</b> kakitangan membuat potongan zakat kepada PPZ-MAIWP sahaja.
<b>Majikan IPT</b>	
<b>50%</b> dari zakat potongan gaji kakitangan setahun	

Sumber : Risalah Wakalah PPZ-MAIWP,1/2022

**4.3.1 Kategori Wakalah Zakat Individu, Syarikat, Majikan**

Berdasarkan jadual 1, individu yang membuat bayaran zakat kepada PPZ-MAIWP bermula RM20,000.00 telah layak untuk memohon WAZA. Pecahan peratusan pula berbeza mengikut jumlah bayaran. Peratusan bermula pada kadar 12.5 peratus sehingga

50 peratus. Manakala bagi entiti perniagaan yang membayar zakat perniagaan atas nama dan jenis perniagaan sama ada milikan tunggal, perkongsian, sendirian berhad atau berhad bermula RM10,000.00 telah layak memohon WAZA. Pecahan peratusan pula berbeza mengikut bayaran bermula 37.5 peratus sehingga 50 peratus. Bagi kategori majikan pula ialah individu yang berada dalam sesebuah syarikat membuat bayaran zakat melalui potongan gaji yang diuruskan oleh majikan. Kategori majikan terbahagi kepada dua iaitu, majikan lazim<sup>4</sup> dan majikan IPT. Majikan lazim jumlah bayaran potongan zakat perlu melebihi RM100,000.00 setahun dan peratusan kelayakan WAZA bermula 12.5 peratus sehingga 37.5 peratus berdasarkan peratusan jumlah keseluruhan kakitangan yang membuat potongan zakat secara bulanan. Majikan IPT tiada penetapan had bayaran minima dan pada kadar 50 peratus tanpa melihat jumlah kakitangan yang membuat potongan zakat secara bulanan. Perbezaan majikan lazim dan IPT adalah berdasarkan had minima bayaran secara tahunan dan peratusan sahaja.

#### **Jadual 2 : Carta Alir Prosedur Permohonan Wakalah Zakat**

1	Individu / Syarikat/ Majikan /IPT membuat pembayaran zakat kepada PPZ-MAIWP
2	Individu / Syarikat/ Majikan /IPT mengemukakan permohonan wakalah melalui sistem MyWakalah
3	Permohonan akan disemak dan diluluskan oleh PPZ-MAIWP dan MAIWP melalui sistem MyWakalah
4	Individu / Syarikat/ Majikan /IPT akan menerima ebankers melalui emel selepas pihak MAIWP membuat bayaran
5	Individu / Syarikat/ Majikan /IPT membuat laporan agihan melalui sistem MyWakalah selepas status permohonan bertukar kepada agihan

Sumber : Risalah Wakalah PPZ-MAIWP,1/2022

<sup>4</sup> Majikan lazim merupakan syarikat yang menjalankan aktifiti perniagaan samada berdasarkan keuntungan mahupun tidak yang di dalamnya terdapat kakitangan yang bekerja dan dibayar upah, gaji, elua secara bulanan atau berkala.

#### 4.3.2 Carta Alir Prosedur Permohonan Wakalah Zakat

Di Wilayah Persekutuan aplikasi MyWakalah merupakan inovasi terbaru oleh PPZ-MAIWP. Ia telah dilancarkan secara rasmi pada 07 Disember 2020 oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohammad AlBakri dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Datuk Haji Akbar Bin Haji Samon. MyWakalah merupakan sistem integrasi atas talian (online) yang dihasilkan secara kerjasama PPZ dan MAIWP untuk memudahkan proses permohonan, semakan kelulusan dan laporan dapat dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya (Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan, 2021). Berdasarkan jadual 2, individu, syarikat dan majikan perlu membuat bayaran terlebih dahulu kepada PPZ-MAIWP. Selepas itu perlu mengemukakan permohonan WAZA melalui sistem MyWakalah. Beberapa dokumen seperti butiran bank dan penyata bank diperlukan bagi pindahan dana WAZA kepada akaun individu, syarikat atau majikan. Pembayar zakat akan menerima notifikasi melalui emel setelah pihak MAIWP membuat bayaran WAZA ke akaun pemohon. Setelah itu pemohon mempunyai tempoh setahun untuk memastikan dana WAZA tersebut diagihkan sepenuhnya kepada asnaf. Pihak pemohon perlu mengemukakan senarai penerima dan butiran lanjut bagi memastikan dana tersebut disalurkan sepenuhnya kepada asnaf.

### 5. PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian dapat dirumuskan pengawasan WAZA bagi memastikan dana zakat dapat disalurkan kepada asnaf terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama, iaitu pengesahan permohonan

#### 5.1 Pengawasan Permohonan WAZA Pembayar Zakat

Pihak PPZ-MAIWP akan meneliti setiap permohonan adalah tulen iaitu pembayar zakat itu sendiri bagi WAZA individu atau wakil syarikat bagi WAZA syarikat dan majikan. Segala bentuk bayaran akan diterima oleh pemohon atau wakil berdasarkan dokumen yang diperoleh. Bagi

individu, nombor akaun bank berserta penyata bank perlu dimuat naik dalam sistem bagi memastikan nama pemohon selari dengan nama dan nombor akaun di penyata bank. Begitu juga dengan syarikat, nombor akaun syarikat dan penyata bank syarikat akan dipastikan selari dengan nama dan nombor akaun pemohon. Ini bagi memastikan dana zakat dapat dipelihara hanya pemohon asal sahaja boleh memohon tanpa ada orang tengah.

“Agihan zakat ini bukan akad pemilikan yang memberi kebebasan memanipulasikan wang zakat. Pembayar zakat dilantik menjadi wakil kepada MAIWP untuk melakukan proses agihan zakat berdasarkan syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh MAIWP” (Temubual 1)

Menurut informan, pihak PPZ melantik pembayar zakat sebagai wakil sahaja dan agihan zakat melalui WAZA ini perlu menepati syarat asnaf yang telah ditetapkan. Pengawasaan terhadap permohonan WAZA hanya tertakluk kepada pembayar zakat sahaja. Disamping agihan WAZA masih tertakluk kepada golongan asnaf sahaja.

## 5.2 Pengawasan Agihan WAZA Kepada Asnaf

Pembayar zakat yang menerima WAZA perlu mengemukakan senarai penerima agihan zakat di bahagian agihan zakat dalam sistem MyWakalah dalam masa setahun. Ini bagi memastikan pembayar zakat yang menerima WAZA telah menyalurkan atau mengagihkan kesemua dana zakat yang diterima kepada asnaf. Pembayar zakat yang menerima WAZA hanya bertindak hanya sebagai wakil kepada MAIWP dalam mengagihkan WAZA yang diterima dan perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaporan agihan zakat yang telah dilakukan. Pihak MAIWP akan membuat semakan dan pengesahan laporan agihan WAZA untuk memastikan setiap dana WAZA diagihkan dengan tepat dan sempurna. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau kecuaian pembayar zakat yang menerima WAZA perlu mengantikan semula dana WAZA tersebut kepada MAIWP. Buku panduan agihan zakat WAZA boleh diakses dalam sistem MyWakalah bagi memudahkan pemohon untuk menentukan asnaf yang layak untuk menerima dana zakat tersebut.

“Permohonan WAZA melibatkan banyak dokumen untuk memastikan pengesahan pembayar zakat seperti, bukti bayaran, salinan penyata bank dan sebaginya. Sistem permohonan WAZA atas talian telah dijalankan secara sepenuhnya bermula tahun 2023 bagi memastikan proses pengawasan dan saringan dapat dijalankan dengan efisien. Bagi permohonan” (Temubual 2)

Proses permohonan secara manual menyukarkan proses pengawasan dilaksanakan. Dengan manfaat teknologi pengawasan permohonan , pelaporan dan sebagainya dapat dilaksanakan secara efesien.

## 6. CADANGAN & IMPLIKASI DASAR

Berdasarkan analisis dan kajian yang dijalankan, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan mekanisme pengawasan dalam pelaksanaan WAZA bagi memastikan pemeliharaan dana zakat dapat disalurkan secara efesien melalui dua cadangan iaitu penstrukturkan semula garis panduan pelaksanaan WAZA secara menyeluruh serta penubuhan sebuah jawatankuasa pengawasan bebas dibawah agensi pusat seperti JAWHAR untuk memastikan berlaku pemantauan dan pengawasan secara berkala.

### 6.1 Penstrukturkan Garis Panduan Pelaksanaan WAZA

Pengkaji melihat tiada lagi sandaran garis panduan pelaksanaan WAZA secara menyeluruh yang diterbitkan bagi pelaksanaan WAZA di Malaysia. Keperluan dalam memastikan terdapat satu garis panduan WAZA dirasakan wajar bagi memastikan pemeliharaan dana zakat dapat diawasi secara berkala bagi memastikan pelaksanaannya secara efesien. Pengkaji mencadangkan perlu suatu jawatankuasa bebas dapat membuat penstrukturkan garis panduan WAZA yang boleh dijadikan panduan kepada institusi zakat yang melaksanakan konsep WAZA.

## 6.2 Penubuhan Jawatankuasa Bebas Pengawasan WAZA

Pengkaji mencadangkan perlunya penubuhan satu jawatankuasa bebas berperanan memantau pelaksanaan WAZA. Sebagai contoh agensi seperti Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) boleh berperanan sebagai institusi pengawasan dalam memantau pelaksanaan WAZA agar sistematis serta memastikan pematuhan terhadap garis panduan WAZA. Penubuhan Jawatankuasa bebas perlu mempunyai keanggotaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang syariah, audit serta pengurusan kewangan seperti pengurusan perbankan Islam di Malaysia. Penubuhan jawatankuasa ini juga perlu mempunyai kuasa dalam membuat pengawasan serta pemantauan terhadap institusi zakat secara telus serta akauntabiliti.

## 7. KESIMPULAN

WAZA merupakan suatu strategi yang baik dalam meningkatkan kutipan zakat. Ia juga secara tidak langsung telah mewujudkan perkongsian pintar dengan keterlibatan para pembayar zakat dalam sistem agihan zakat kepada golongan asnaf. Ia menatijahkan sistem ekonomi Islam berkembang seiring dengan zaman dan sesuai bagi merealisasikan maqasid zakat. Selain itu, agihan zakat secara lokaliti dapat direalisasikan di mana pembayar zakat boleh membuat agihan zakat di sekitaran mereka seperti agihan zakat terhadap saudara-mara, jiran tetangga, serta komuniti setempat mereka yang tergolong dalam golongan asnaf. Ia juga secara tidak langsung, liabiliti pihak institusi zakat terhadap asnaf dapat dikurangkan dengan keterlibatan pelbagai pihak dalam membantu mengenal pasti asnaf yang berada dekat dengan kitaran mereka. Ini akhirnya dapat memastikan kebajikan asnaf dapat dipelihara dan maklumat yang diperoleh adalah tepat disebabkan fungsi lokaliti. Dari sudut implikasi dasar, kajian ini menunjukkan pengawasan WAZA yang berkesan bukan sahaja menjamin ketelusan dalam agihan zakat, tetapi ia juga mampu mewujudkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat.

## 8. PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur tidak terhingga dipanjatkan kepada Ilahi kerana dengan rahmat dan izin-Nya, kertas kajian ini dapat jua dihasilkan. Semoga usaha penulisan ini dapat memberi manfaat serta kebaikan yang akhirnya diterima sebagai amal ibadah dalam bidang ilmu yang dikaji.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Journal of Awqaf, Zakat and Hajj (JAWHAR) diatas ruang kertas kajian ini diterbitkan dan seterusnya memberi manfaat kepada ummah. Penghargaan buat penulis bersama Profesor Madya Dr. Shahir Akram Hassan atas kesudian memberi idea, pandangan serta penulisan dalam kajian ini.

Penulis pertama merupakan kakitangan di Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), manakala penulis kedua kini merupakan ahli Panel Penasihat Jurnal JAWHAR. Tiada konflik kepentingan lain yang perlu diisyiharkan.

## 9. RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). Pengurusan dalam Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Mubarak, M. bin A. (1970). Ara Ibn Taymiyyah fi al-dawlah wa mada tadakhulluha fi majal al-Iqtisadi. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Akram, M. (1982). Pengawasan dan Urus Niaga di Awal Zaman Islam. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Al-Qaradawi, Y. (1988). Hukum zakat (terj.). Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2017). Kontrak wakalah dalam agihan zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Prosiding PERKEM, 12, 44–54. [https://www.researchgate.net/publication/325284277\\_Kontrak\\_Wakalah\\_dalam\\_Agihan\\_Zakat\\_Kajian\\_Di\\_Majlis\\_Agama\\_Islam\\_Wilayah\\_Persekutuan](https://www.researchgate.net/publication/325284277_Kontrak_Wakalah_dalam_Agihan_Zakat_Kajian_Di_Majlis_Agama_Islam_Wilayah_Persekutuan)
- Auni Hj. Abdullah. (2000). Hisbah dan pentadbiran negara. Kuala Lumpur: IKDAS.
- Azrin Ibrahim. (2013). Hisbah dalam pengurusan Islam: Falsafah dan etika pelaksanaan. Jurnal Muamalat, 6, 113.
- Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan. (2019). Hisbah dalam agihan zakat melalui konsep wakalah oleh institusi zakat: Kajian di Wilayah Persekutuan. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED). <https://www.researchgate.net/publication/336777770>
- Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan. (2021). Aplikasi MyWakalah: Pengurusan zakat melalui konsep wakalah zakat oleh institusi zakat di Wilayah Persekutuan. INGRAW 2021. <https://academicinspired.com/jised/article/view/1262>
- Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. (2015). Aplikasi fiqh muamalat dalam sistem kewangan Islam. Shah Alam: UiTM.
- Haji, T., Shahir, A., Hajjah, P., & Wahab, A. (2010). Pengurusan zakat di negeri Selangor: Isu dan cabaran. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam.
- Laporan Jubli Perak PPZ-MAIWP. (1990–2015).
- Laporan Tahunan MAIWP. (2014–2017).
- Muhammad Akram Khan. (1982). Al-Hisba and the Islamic economy. Dalam M. Holland (Terj.), Public duties in Islam by Ibn Taimiyah (hlm. xx–xx). Leicester: The Islamic Foundation.

- Mujaini Tarimin. (1995). Zakat pengajian: Satu penilaian terbaru di Malaysia (Tesis Ph.D, Universiti Malaya).
- Mustafa al-Khin, & Mustafa al-Bugha. (2006). Fiqh minhaji (Jilid 4). Damsyik: Dar al-Qalam.
- Muzakarah Fatwa Kebangsaan Ke-76. (2006, 21–23 November).
- Sanep Ahmad. (2009). Agihan zakat merentasi asnaf: Ke arah memperkasa institusi zakat. Prosiding Perkem IV, 2, 62–74. <https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemIV/PERKEM2009-2-05.pdf>
- Talib, A. R. bin. (2013). Konsep agihan zakat kepada asnaf menurut perspektif syarak. Jurnal Pengurusan Jauhar, 2(2), 7–15. <https://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/noorazlin%202019.pdf.pdf>
- Wahid, H. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati. Jurnal Syariah, 17(1), 89–112. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22745>